

Rais: Tidak perlu laporan polis dakwa penceramah Pas, fitnah PM.

1994 3 1 JUL 2002

KUALA KLAWANG 30 Julai - Tindakan pendakwaan boleh diambil ke atas seorang penceramah Pas yang membuat fitnah kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama seorang cucunya tanpa menunggu laporan polis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim menegaskan, pita tayangan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) sudah cukup dijadikan bahan bukti mengenai perbuatan bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaacob itu.

Katanya, untuk meneruskan prosedur pendakwaan, ia memerlukan aduan dibuat oleh orang awam atau Perdana Menteri sendiri sebagai pihak yang kena fitnah.

"Bagaimanapun, tidak semestinya sesuatu kes itu perlu menunggu laporan polis baru hendak diambil tindakan tetapi pendakwaan boleh dibuat sekiranya sesuatu perbuatan sudah diketahui umum dan ada saksi lebih daripada seorang," katanya kepada pemberita se-

lepas menutup Seminar Teknologi Pendidikan di Dewan UMNO Kuala Klawang, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perbuatan penceramah Pas terbabit yang membuat dakwaan yang disiarkan menerusi RTM sejak beberapa hari lalu.

Mengaibkan

"Di hadapan sistem undang-undang jenayah, biasanya tindakan boleh dibuat (kepada penceramah Pas terbabit) atas perbuatan fitnah dan menghasut serta kemungkinan perbuatan mengaibkan ini boleh berlaku kesan buruk yang ditakrifkan memecahbelahkan masyarakat," kata Rais.

Beliau turut menyatakan kebimbangannya jika tidak ada apa-apa tindakan diambil atau tidak ada kesudahannya, banyak pihak akan mempersoalkan sistem di bawah undang-undang sivil atau sistem jenayah yang ada.